

**Muhyiddin Lahirkan Harapan Dan Doa Untuk Penumpang Dan Anak Kapal MH17
Bernama
July 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin melahirkan harapan dan doa beliau terhadap para penumpang dan anak kapal pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 yang dilaporkan terhempas di Ukraine berdekatan sempadan Rusia.

"Harapan dan doa saya untuk para penumpang dan anak kapal Penerbangan MH17," katanya dalam tweet beliau hari ini.

Agensi berita antarabangsa melaporkan sebuah pesawat penumpang Malaysia Boeing 777 yang membawa 295 penumpang dan anak kapal terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia pada Khamis.

MAS dalam tweet terbaharunya menyatakan ia telah terputus hubungan dengan pesawat itu dan kedudukan terakhir penerbangan itu ialah di runag udara Ukraine.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054418>